



Usaha Terengganu pulihkan ekonomi negeri tunjuk hasil positif - Ahmad Samsuri

KUALA TERENGGANU, 1 Julai- Usaha Kerajaan Terengganu untuk memulihkan ekonomi negeri pascapandemik COVID-19 kini telah menunjukkan hasil positif.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, ini dapat dilihat menerusi pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi 2021 iaitu sebanyak 3.6%, melebihi pertumbuhan 3.1% peringkat nasional.

“Pertumbuhan 3.6% berbanding -5.7% pada 2020 juga telah melebihi unjuran yang diletakkan iaitu sekitar 2.0 hingga 2.2%. Sesungguhnya pencapaian ini adalah hasil usaha pelbagai pihak yang telah dilaksanakan sepanjang tahun lalu,” katanya dalam kenyataan menerusi Facebooknya hari ini.

Ahmad Samsuri berkata selain itu, Terengganu juga berjaya merekodkan pencapaian yang baik bagi beberapa indikator dalam lima bidang tumpuan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu bidang kemajuan masyarakat, kemakmuran, keamanan, kerjasama dan penjagaan bumi.

(Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar)

Bagaimanapun, katanya kerajaan negeri amat menyedari dan memahami beban yang ditanggung oleh rakyat ketika ini akibat kenaikan harga barangan.

Justeru katanya isu tersebut akan sentiasa menjadi keutamaan kerajaan negeri yang sedang menanganinya bersama kerajaan Persekutuan.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/ekonomi/42681-usaha-terengganu-pulihkan-ekonomi-negeri-tunjuk-hasil-positif-ahmad-samsuri?fbclid=IwAR2c9IMEQ2LRqAqXk0gTjzzGI262mHAhJkkz-AYR-ipNvXOXcxpCqcKcaA>